

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN HAJAH RAHEMAH BINTI IDRIS**  
**TARIKH** : **23 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 8**

**Puan Hajah Rahemah Binti Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah yang diambil untuk menambah baik polisi berkaitan perlindungan kanak-kanak dan pesalah seksual terhadap kanak-kanak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Antara penambahbaikan dalam langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu kesalahan seksual terhadap kanak-kanak adalah seperti berikut:

Perundangan dan kehakiman

- (i) Pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 untuk memperkukuh perlindungan terhadap mangsa kesalahan seksual kanak-kanak pada tahun 2016;
- (ii) Penguatkuasaan Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang diluluskan Parlimen pada April 2017 dan berkuatkuasa pada 7 Julai 2017; dan
- (iii) Penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di Putrajaya pada tahun 2017 dan di Kuching pada tahun 2018. Selanjutnya, Kerajaan kini dalam perancangan memperluas penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak ke setiap negeri di Malaysia.

Mekanisme dan sistem

- (i) Penguatan Daftar Kanak-Kanak dengan kerjasama Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan; dan
- (ii) Pelancaran Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Daftar Kanak-Kanak pada 26 Mac 2019.

Advokasi dan pencegahan

- (i) Penekanan aspek pencegahan melalui kempen keselamatan kanak-kanak di Sekolah - Sahabat B.I.J.A.K (Banteras Indeks Jenayah terhadap Kanak-Kanak) oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); dan
- (ii) Program Pemerksaan Keluarga Dan Komuniti (FACE) yang memberi fokus kepada penguatan institusi keluarga dan komuniti.

## SOALAN NO. 8

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius isu kesalahan seksual, lebih-lebih lagi apabila melibatkan kanak-kanak. Di kesempatan ini, saya menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk kita bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam isu-isu berkaitan perlindungan kanak-kanak di negara ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATUK RABİYAH BINTI ALI**  
**TARIKH : 23 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 59**

**Datuk Rabiya Binti Ali** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah bantuan warga emas di seluruh negara sehingga Jun 2019 serta bagaimanakah Jabatan Kebajikan Masyarakat memastikan bantuan ini dapat memenuhi jaringan keselamatan sosial warga emas negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah bantuan kepada warga emas seluruh negara yang telah disalurkan sehingga Jun 2019 adalah **RM336,181,132.00** yang melibatkan seramai **135,222** penerima bantuan sebagaimana berikut:

<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>BOT</b>	
		<b>BIL KES</b>	<b>RM</b>
<b>1</b>	<b>PERLIS</b>	1,302	3,671,500
<b>2</b>	<b>KEDAH</b>	6,671	14,586,332
<b>3</b>	<b>PULAU PINANG</b>	5,293	12,797,150
<b>4</b>	<b>PERAK</b>	8,779	15,662,900
<b>5</b>	<b>SELANGOR</b>	10,249	30,424,400
<b>6</b>	<b>MELAKA</b>	7,316	18,568,900
<b>7</b>	<b>N.SEMBILAN</b>	8,494	19,946,150
<b>8</b>	<b>JOHOR</b>	13,520	37,981,750
<b>9</b>	<b>KELANTAN</b>	9,395	22,914,450
<b>10</b>	<b>TERENGGANU</b>	4,055	10,160,650
<b>11</b>	<b>PAHANG</b>	8,921	26,449,200
<b>12</b>	<b>SABAH</b>	26,780	66,274,750
<b>13</b>	<b>SARAWAK</b>	21,489	49,291,650
<b>14</b>	<b>WP K.LUMPUR</b>	2,735	6,895,200
<b>15</b>	<b>WP LABUAN</b>	221	556,150
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>135,222</b>	<b>336,181,132</b>

## SOALAN NO.59

Pemberian bantuan kepada warga emas adalah berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan iaitu:

- i. Warganegara dan bermastautin di Malaysia;
- ii. Warga emas berumur 60 tahun ke atas;
- iii. Pendapatan Isi Rumah tidak melebihi Pendapatan Garis PGK Purata Miskin (PGK) Purata Miskin Isi Rumah Semasa atau PGK Purata Miskin Per Kapita semasa; dan
- iv. Warga emas yang bukan tinggal di:
  - a. institusi kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); atau
  - b. Pusat jagaan harian / berkediaman / yang memberi kemudahan / perkhidmatan secara percuma.

Jaringan keselamatan sosial yang disediakan oleh JKM memberi fokus kepada peningkatan kesejahteraan dan pembangunan masyarakat. Bantuan kewangan yang diberikan kepada warga emas sebanyak RM350 sebulan berfungsi untuk memastikan warga emas dapat meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan dalam komuniti serta memenuhi jaringan keselamatan sosial warga emas negara. JKM akan meneruskan pemberian bantuan orang tua kepada warga emas yang menepati syarat ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT**  
**TARIKH** : **23 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 86**

**Puan Hajah Sabani binti Mat** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan penjelasan mengapa program-program anjuran Kementerian sekarang ini dilihat kurang melibatkan wanita luar bandar berbanding program-program yang dijalankan semasa Kerajaan terdahulu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) giat melaksanakan Program Pusat Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi (PACBE) di semua peringkat termasuk luar bandar melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN). PACBE merupakan program yang disusun semula dengan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti dan peningkatan kesejahteraan wanita. Melalui penyusunan semula fokus, adalah diharapkan ia dapat memberi impak yang lebih bermakna kepada wanita terutama dalam menambah pendapatan. Pelaksanaan Program PACBE dibahagikan kepada tiga bidang utama iaitu:

- (i) Bidang **Community-Based-Enterprise (CBE)** untuk aspek peningkatan kemahiran;
- (ii) Bidang **Psikopendidikan (substantif)** untuk aspek pembangunan pendidikan sosial; dan
- (iii) Bidang **Pengupayaan (empowerment)** untuk aspek pembangunan keupayaan.

Pada tahun 2018, sebanyak 648 PACBE telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 10,201 orang peserta. Manakala bagi tahun 2019, sebanyak 378 program PACBE telah dapat dilaksanakan yang melibatkan seramai 5,615 orang peserta.

Berdasarkan kepada statistik program yang direkodkan, adalah didapati bilangan penyertaan menunjukkan peningkatan. Kementerian akan sentiasa dari masa ke semasa menambah baik pengisian program dan akan memperluaskan pelaksanaan program bagi memastikan ia boleh disertai oleh lebih ramai kumpulan sasar terutama wanita di luar bandar. Kementerian juga akan terus merancang, menyusun dan mengatur strategi yang lebih sistematik dan tersusun bagi memastikan semua program pemerksaan dan pembangunan wanita dapat dimanfaatkan untuk semua kumpulan sasar wanita.

Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga telah melaksanakan program *MamaCare* yang

## SOALAN NO. 86

bertujuan membantu wanita warga emas, ibu tunggal dan wanita yang layak dari golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) menambah pendapatan keluarga melalui latihan kapasiti *MamaCare*. Objektif program ini adalah untuk memberi khidmat penjagaan selepas bersalin yang selamat secara tradisional dan moden termasuk ilmu keibubapaan. Pada tahun 2018, seramai 20 orang peserta yang terlibat manakala sehingga bulan Jun 2019, seramai 140 peserta telah terlibat dalam program ini.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) juga telah melaksanakan program keusahawanan melalui latihan kemahiran bagi usahawan baru, pameran untuk usahawan luar bandar serta pembangunan usahawan atas talian. Sehingga bulan Jun 2019, seramai 3,482 usahawan wanita yang terlibat dalam semua program anjuran KPLB dan agensi di bawahnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATO' ZAHARI BIN SARIP**  
**TARIKH : 23 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 88**

**Dato' Zahari bin Sarip** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah pusat asuhan kanak-kanak yang berdaftar dan adakah Kementerian memantau pembukaan pusat asuhan kanak-kanak yang terdapat di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga Mei 2019, terdapat 4,638 buah Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) yang didaftarkan, termasuklah TASKA Institusi sebanyak 3,464 buah, TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam sebanyak 227 buah, TASKA di Tempat Kerja Sektor Swasta sebanyak 60 buah, TASKA Komuniti sebanyak 40 buah dan TASKA di Rumah sebanyak 847 buah.

Penguatkuasaan Akta TASKA dan mewajibkan semua TASKA berdaftar adalah salah satu elemen pemantauan terhadap penubuhan sesebuah TASKA kerana sebelum diluluskan pengoperasian sesebuah TASKA, pengusaha perlulah memenuhi standard minimum yang ditetapkan seperti keselamatan, kesihatan, nisbah pengasuh dengan kanak-kanak dan lain-lain lagi.

Kesemua TASKA berdaftar ini sentiasa dibuat pemantauan oleh Pegawai diberi Kuasa dan Pegawai Penguatkuasa secara mengejut dan juga berkala bagi memastikan pengusaha sentiasa mematuhi Akta TASKA 1984 serta Peraturan TASKA 2012 seterusnya menjamin keselamatan kanak-kanak. Statistik pemeriksaan mengejut sehingga Mei 2019 telah dilaksanakan ke atas 351 buah TASKA, manakala pemeriksaan berkala telah dibuat ke atas 381 TASKA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYURAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATO' FAHARIYAH BINTI HJ MD NORDIN**  
**TARIKH : 23 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 92**

**Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MAYARAKAT** menyatakan perangkaan penggunaan Talian Kasih 15999 pada tahun 2018 hingga Jun 2019 serta sejauh manakah maklumat aduan krisis masyarakat ini disepadukan dengan platform pengguna media sosial elektronik dan agensi berita di peringkat nasional dan antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Talian Kasih 15999 telah menerima sejumlah 15,135 panggilan bagi tempoh Januari 2018 hingga Disember 2018 dan 8,283 panggilan pada Januari hingga Jun 2019. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 791 kes pada tahun 2018 dan 577 kes bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 telah dipanjangkan untuk tindakan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) atau Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD).

Daripada rekod tersebut, 284 panggilan bagi kes penderaan kanak-kanak dan 59 kes keganasan rumah tangga yang tertinggi bagi tahun 2018 ialah di Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Johor. Sehingga Jun 2019, rekod tertinggi kes penderaan kanak-kanak berjumlah 199 kes dan 60 kes keganasan rumahtangga berlaku di Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Perak.

Aduan kes penderaan kanak-kanak paling tinggi bagi tahun 2018 iaitu 288 kes dan meningkat kepada 438 kes bagi Jun 2019 telah dipanjangkan untuk tindakan PKMD. Kes keganasan rumahtangga yang dipanjangkan kepada PKMD bagi tahun 2018 ialah 94 kes dan sehingga Jun 2019 ialah 92 kes. Aduan kes kategori gelandangan ialah sejumlah 101 bagi tahun 2018 dan 92 kes sehingga Jun 2019 di bawah tindakan Bahagian JKM dan PKMD.

Kementerian juga membuat hebahan secara bersepadu bersama-sama agensi lain melalui media sosial dan media nasional untuk memaklumkan kepada orang awam mengenai perkhidmatan Talian Kasih 15999. Sebanyak 1,199 jumlah maklumat (*posting*) Talian Kasih 15999 telah dimuat naik pada Januari 2018 sehingga Julai 2019 tidak termasuk *share/repost/retweet* oleh pengguna Facebook, Instagram dan Twitter dalam setiap bulan. Jumlah *posting* Talian Kasih 15999 kepada awam akan berganda melalui sebaran di media sosial kerana laporan oleh *Hootsuite and We Are Social*, Malaysia adalah pengguna kelima tertinggi di dunia dalam penembusan media sosial YouTube, Facebook, Whatsapp dan Instagram yang tertinggi digunakan rakyat untuk mendapatkan maklumat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MOHAMAD**  
**TARIKH : 23 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 103**

**Datin Rahimah Binti Haji Mohamad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan daftar terkini orang kurang upaya yang direkodkan sehingga Jun 2019 serta berapakah peruntukan yang dibelanjakan bagi penyelenggaraan kemudahan dan keistimewaan golongan OKU di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan terkini orang kurang upaya yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga **30 Jun 2019** adalah seramai **549,554** orang.

Kementerian ini bertanggungjawab untuk pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU secara menyeluruh menurut Akta OKU 2008. Peruntukan yang disalurkan kepada kementerian ini untuk tujuan penyelenggaraan kemudahan dan keistimewaan golongan OKU hanya meliputi kemudahan-kemudahan di institusi OKU di bawah JKM sahaja.

Pada tahun 2019, sebanyak RM38 juta telah diperuntukan kepada Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) untuk pelbagai program termasuk untuk penyelenggaraan kemudahan di institusi OKU.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH**  
**TARIKH : 23 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 126**

**Puan Nuridah Binti Mohd Salleh** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha membendung penglibatan secara langsung dan tidak langsung dengan elemen pornografi dalam kalangan remaja dan belia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mutakhir ini isu pornografi menjadi satu isu yang semakin serius di dalam masyarakat. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Ke-5 yang dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2014 mendapati bahawa 35.3% remaja terdedah kepada bahan lucah dan sumber utama adalah daripada internet (60.8%). Sumber utama kepada pornografi ini adalah melalui gajet yang mempunyai akses kepada internet seperti telefon pintar.

Kerajaan sedar dan prihatin dengan isu-isu ini. Pelbagai usaha telah dijalankan bagi mengatasi masalah ini. Pihak Kementerian telah memperkenalkan *Child Online Policy* (COP) di mana ia merupakan satu dasar yang melibatkan pelbagai pemegang taruh bagi memastikan kanak-kanak dilindungi di alam maya termasuk ancaman pornografi. Melalui dasar ini, agensi lain juga terlibat dalam menyediakan program-program pendidikan kepada masyarakat umum berkaitan keselamatan siber termasuk isu pornografi seperti program klik dengan bijak oleh Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM).

LPPKN juga telah melaksanakan program-program pendidikan kepada ibu bapa dan masyarakat setempat dalam menangani keselamatan anak dan keluarga khususnya dalam isu pornografi. Melalui program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) yang diperkenalkan pada tahun 2017, sehingga kini seramai 400 orang fasilitator telah dilatih yang terdiri daripada pelbagai agensi dan NGO. Dari tahun 2017 hingga 2018, sebanyak 186 program telah dilaksanakan dengan melibatkan seramai 5,426 peserta daripada ibu bapa di peringkat komuniti telah mendapat manfaat. Kementerian amat menggalakkan penglibatan Ahli-Ahli Yang Berhormat Senator untuk melaksanakan program seumpama ini di kawasan masing-masing.

LPPKN telah mempertingkatkan kerjasama dengan NGO yang mempunyai modul latihan berkaitan pornografi dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak seperti Pertubuhan IKRAM Malaysia melalui

modul *Malaysia Against Pornography* dan Persatuan WADAH Pencerdasan Umat Malaysia melalui modul Sekeluarga Tolak Pornografi (STOP). Kementerian juga telah memanjangkan kerjasama ini melibatkan agensi Kerajaan seperti SKMM, Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta pelbagai NGO lain seperti Cyber Security Malaysia dalam penganjuran Forum 'Keibubapaan Di Alam Siber' pada 3 November 2018 bersempena sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan. Melalui kerjasama ini, pendidikan berkaitan pencegahan bahan pornografi dan keselamatan kanak-kanak di alam siber disebarkan kepada umum melalui bengkel latihan modul kepada ibu bapa, guru, pendidik dan masyarakat melalui kerjasama dengan NGO tersebut.

Kementerian meneruskan usaha ini dengan penganjuran Forum '*Digital Parenting and Child Online Protection*' dengan kerjasama UNICEF pada 20 Jun 2019. Topik berkaitan keselamatan kanak-kanak di alam siber, jenayah seksual kanak-kanak akan terus dibincang dalam Forum Keibubapaan Kreatif Mendepani Cabaran Alaf Baru pada 13 Julai 2019 serta forum kekeluargaan yang akan diadakan LPPKN dan kerjasama NGO pada 2 November 2019 dan 16 November bersempena keluarga kebangsaan tahun 2019.

Kementerian juga telah bekerjasama dengan NGO IKRAM bagi menghasilkan video iklan di YouTube berkaitan perlakuan jenayah seksual kepada kanak-kanak bawah umur pra sekolah (2-4 tahun) pada 24 Jun 2019 agar mereka membezakan tentang sentuhan selamat dan tidak selamat.

Modul *Sexual Reproductive Health for Boys (SRH 4Boys)* diperluaskan pada tahun 2019 kepada 180 peserta meliputi lima sekolah sukan di seluruh negara sepanjang Julai 2019.